

# Orang beriman beroleh pahala besar

**FIRMAN Allah SWT yang bermaksud:** *Dan janganlah engkau berdukacita (Wahai Muhammad), disebabkan orang-orang yang segera menceburkan diri dalam kekufuran, kerana sesungguhnya mereka tidak sekali-kali akan dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun. Allah menetapkan tidak memberi kepada mereka (balasan baik syurga) pada hari akhirat kelak, dan mereka pula beroleh azab seksa yang amat besar. Sesungguhnya orang-orang yang membeli (memilih) kufur dengan meninggalkan iman tidak sekali-kali mereka akan dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun, dan mereka pula beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. Dan jangan sekali-kali orang-orang kafir menyangka bahawa Kami membiarkan (mereka hidup lama) itu baik bagi diri mereka, kerana sesungguhnya Kami biarkan mereka hanyalah supaya mereka bertambah dosa (di dunia), dan mereka pula beroleh azab seksa yang menghina (di akhirat kelak).*

*Allah tidak sekali-kali akan membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan yang kamu ada seorang (bercampur aduk mukmin dan munafik, bahkan ia tetap menguji kamu) sehingga ia memisahkan yang buruk (munafik) daripada yang baik (beriman). Dan Allah tidak sekali-kali akan memperlihatkan kepada kamu perkara-perkara yang ghaib akan tetapi Allah memilih dari Rasul-Nya sesiapa yang dikehendaki-Nya (untuk memperlihatkan kepadanya perkara-perkara yang ghaib).*

*Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya, dan kamu beriman dan bertakwa, maka kamu akan beroleh pahala yang besar. (ali-Imran: 176-179)*

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

**A**L-MARAGHI berkata: Ketika kaum musyrikin mendapat kemenangan yang sedikit dalam Perang Uhud, manakala di pihak Nabi SAW dan orang mukmin mendapat beberapa musibah, ada antara kaum munafik yang berani mengatakan kekafiran mereka secara terang-terangan. Kemudian mereka menakut-nakutkan orang mukmin serta mengejek mereka, kerana musuh mereka telah memperoleh kemenangan. Mereka berkata: "Sesungguhnya Muhammad itu adalah orang yang suka mencari kekuasaan. Oleh yang demikian, dia memperoleh kemenangan atau kekalahan".

Berbagai-bagai perkataan lagi yang boleh membuatkan orang Islam terkeluar daripada agamanya. Kejadian ini membuatkan Rasulullah SAW bersedih hati sehingga menampakkan kesedihan Baginda begitu jelas sekali.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-176:

● Ibn Kathir berkata: Hal ini terjadi kerana keinginan Baginda SAW yang kuat pada keinginan seluruh manusia, maka Baginda bersedih ketika melihat orang-orang kafir mengingkari dan menentang Baginda.

● Al-Maraghi berkata: Mereka tidak akan berupaya mendatangkan bahaya terhadap para pemimpin Allah SWT, iaitu Nabi SAW dan para sahabatnya. Kamu tidak akan diancam bahaya oleh

## Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI KE-69)

mereka kerana mereka sebenarnya telah memerangi Allah SWT.

Rahsia di sebalik ujian yang diberikan kepada mereka telah tenggelam dalam kekufuran sebagai menggambarkan mereka telah diharamkan untuk menikmati beberapa kesenangan di akhirat, sesuai dengan Sunnatullah dan kehendak-Nya.

● Hamka berkata: orang yang mencuba melawan dan menentang Allah dalam sifat kebesaran-Nya itu samalah dengan kerbau yang cuba menaiki gunung.

Gunung tidak akan berganjak dari tempatnya bahkan tanduk kerbau itu yang akan luka dan patah. Maka akan hancur dan menerima kesiksaan yang amat berat ialah si penentang Allah itu sendiri. Sebab itu janganlah hal itu menyebabkan engkau berdukacita.

● Al-Sonhaji berkata: Ayat ini diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW untuk menghiburkan hatinya, supaya jangan berdukacita ketika melihat sikap orang-orang munafik, ketua-ketua Yahudi, orang-orang musyrik dan golongan orang-orang murtad yang berterusan dalam kekufuran.

Mereka berkumpul untuk memerangimu dan membantu orang-orang yang memusuhiimu. Janganlah berdukacita ketika melihat sikap mereka kerana Allah SWT menjadi sebaik-baik penolong.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-177:

● Al-Qurtubi berkata: Mereka di kalangan musyrikin tidak akan dapat memberi mudarat kepada Allah sama ada sedikit mahupun banyak.

● Al-Maraghi berkata, ayat ini menunjukkan dua perkara penting:

- Menegaskan bahawa orang kafir tidak sekali-kali datang membahayakan diri Nabi SAW.
- Menegaskan kebodohan dan kejahatan mereka kerana pada mulanya kafir, kemudian beriman, lalu kafir semula. Ini membuktikan mereka itu erada dalam keadaan goyah dan tidak mempunyai pendirian tegas. Orang seperti ini perlu difikirkan dan diberi perhatian khusus.

● Hamka berkata: adalah satu seksaan yang amat pedih dalam jiwa apabila iman yang berharga itu telah hilang, kerana dijual-belikan dengan kufur. Seorang yang beriman pada mulanya kemudian tercebur ke dalam kekufuran, kerana tidak dapat menahan nafsu. Apabila gelora nafsunya telah reda, dia akan merasai kepedihan yang amat

sangat didalam jiwanya.

● Al-Sonhaji berkata: Orang-orang munafik pada mulanya beriman tetapi kemudiannya kembali menjadi kufur. Ini bererti mereka menjualkan keimanan mereka kepada kekufuran.

Orang yang bersifat seperti ini, sedikit pun tidak akan menyusahkan Allah malah akan menyusahkan dan membahayakan diri mereka sendiri, kerana ia akan mendapat seksa yang pedih di akhirat kelak.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-178:

● Al-Qurtubi berkata: Janganlah mereka sangka dengan menakutkan orang Islam menyebabkan mereka panjang usia dan beroleh kenikmatan kerana Allah Maha Berkuasa untuk menghancurkan mereka.

● Al-Baghawi telah meriwayatkan dari sanadnya menerusi Abdurrahman bin Abu Bakar dari Ayahnyanya, katanya: Ketika Rasulullah SAW ditanya: Siapakah orang yang lebih baik? Dijawab baginda: Orang yang panjang umur dan baik amalannya. Ditanya pula: Siapakah orang yang jahat? Rasulullah SAW menjawab: Orang yang panjang umurnya dan buruk amalannya.



MEMBANTU insan yang dalam kesusahan juga adalah antara tanda orang beriman - Gambar hiasan

● Al-Maraghi berkata, ayat ini mengandungi beberapa pengajaran:

■ Menjadi tabiat orang kafir menambah dosa meskipun umur dipanjangkan. Mereka tetap melakukan dosa menurut kemampuannya.

■ Berbeza dengan orang mukmin, sekiranya Allah SWT mentakdirkan mereka berumur panjang, mereka akan menambah amalan dan melakukan kebajikan serta bersikap dermawan.

Keadaan ini menyebabkan orang mukmin menjadikannya sebagai undang-undang untuk mereka berhubung di antara mereka dengan Tuhan serta memperbaiki dirinya menurut kehendak Allah SWT.

Jika mereka bersungguh-sungguh mahu memahami dan melaksanakan perkara ini, nescaya mereka akan berjaya keluar dari kegelapan kepada cahaya dan mampu masuk ke dalam golongan orang yang mendapat nikmat Allah SWT, iaitu golongan nabi dan orang yang siddiqin.

● Hamka berkata: Ayat ini ditujukan kepada orang kafir yang menyalah sangka bahawa perbuatan mereka yang

tidak mengikut ajaran Allah adalah tidak salah, kerana mereka menyangka jika perbuatan mereka itu salah sudah tentu Allah akan menghukumnya.

Namun, perbuatan salah mereka itu masih berlangsung. Lantaran mereka bertambah berani sehingga dosa mereka bertambah-tambah dan mereka tidak dapat lagi melepaskan diri dari tali dosa yang berlapis-lapis yang mengikat leher mereka sendiri.

Mereka menjadi sombong kerana dibiarkan, sehingga tidak dapat lagi mengendalikan nafsunya. Ini berbeza dengan orang yang sudah ada iman di dalamnya, apabila mereka membuat salah dan menyedari kesalahan itu, maka mereka akan segera bertaubat.

Adapun si kafir yang dipandu oleh hawa nafsunya sendiri, mereka bertambah berani sehingga jatuh ke dalam seksaan yang amat hina.

## Iktibar dan fiqh ayat ke-179:

● Mujahid berkata: Pada saat berlakunya perang Uhud, Allah membezakan antara orang Mukmin dengan orang munafik.

● Qatadah berkata: Allah membezakan

mereka melalau jihad dan hijrah.

● Ibn Abbas dan kebanyakan Mufassirin mengatakan: Ayat ini ditujukan secara umum, kepada orang kafir dan orang mukmin serta kepada orang-orang munafik.

● Al-Maraghi berkata, aspek penderitaan dan cubaan mengandungi pelbagai faedah, antaranya:

■ Orang munafik sudah pasti bersikap berhati-hati agar kemunafikan mereka tidak diketahui. Orang yang memiliki iman sebenar-sebenarnya mampu menyampaikan beberapa rahsia agama kepada orang munafik dengan prasangka baik kepada mereka.

Mereka melihat si munafik ini melaksanakan beberapa kewajipan yang zahir. Sebaliknya jika orang munafik menyebarkan rahsia, ruang kemunafikannya terserlah dan menyebabkan umat Islam sejati mengetahui hal ini dan bersikap berhati-hati dengan golongan tersebut.

■ Jemaah Islam dapat mengamati keadaannya sebab dengan terungkapnya sifat kaum munafik

dapatlah dibuktikan bahawa mereka adalah lawan, bukan teman. Begitu juga dapat diketahui keadaan orang yang lemah imannya, iaitu orang yang belum merasai penderitaan dan cubaan.

■ Dapat menghindarkan diri daripada segala tipu daya, sebab adakalanya mereka yang beriman dengan sebenar-benar belum mampu mengetahui kadar kelemahan iman dan akhlak mereka sebelum menghadapi sebarang penderitaan dan cubaan.

Oleh yang demikian, mereka akan dapat mengenali sejauh mana tahap keimanan mereka.

● Hamka berkata: Allah tidak akan membiarkan keadaan aman yang bererti mati atau sepi yang bererti kubur.

Dalam keadaan tenang-tenang saja, tidaklah dapat dilihat perbezaan antara yang beriman dengan keadaan munafik ataupun yang kafir. Ayat ini berkait rapat dengan kejadian perang Uhud.

Semoga kita menjadi orang yang benar-benar beriman dan membuang tabiat yang kufur. Amin.